



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
ANUGERAH MEDIA MELAKA 2021**

**TARIKH: 14 FEBRUARI 2022 (ISNIN) I 8.00 MALAM
DI LA CRISTA HOTEL, MELAKA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabakaratu. Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

YB Datuk Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Ketua-ketua Jabatan peringkat Negeri dan Persekutuan Negeri Melaka;

Dif-Dif Jemputan, Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan, dan puan-puan pengamal media Negeri Melaka yang dihormati sekalian.

1. Pertama-tamanya, marilah kita merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana pada petang yang berbahagia ini, kita diberikan kesempatan untuk hadir dan berkumpul pada majlis yang bagi saya cukup istimewa, bukan sahaja

kepada diri saya secara peribadi, lebih-lebih lagi kepada saudara dan saudari khususnya pengamal media di Negeri Melaka.

2. Istimewanya majlis ini, kerana inilah kali pertama pada tahun 2022 ini, kita dapat menghimpunkan petugas dan pengamal media daripada pelbagai agensi di Negeri Melaka di dalam satu majlis yang cukup berprestij iaitu **Anugerah Media Melaka 2021**.

Saudara dan saudari, hadirin yang dihormati sekalian;

3. Saya difahamkan, majlis ini sepatutnya diadakan lebih awal iaitu pada penghujung tahun 2021 yang lepas. Namun, disebabkan ketentuan yang tidak dapat dielakkan termasuklah **Pilihan Raya Negeri Melaka ke-15** yang telah diadakan pada **20 November 2021**, maka hanya pada petang ini, majlis ini dapat dilangsungkan. Sebab itu, ia dipanggil Anugerah Media Melaka 2021.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

4. Peranan media massa di negara ini khususnya kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka memang cukup penting, saling memerlukan serta lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

5. Hal ini kerana tanpa bantuan dan hubungan kerjasama yang erat dan jitu antara pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dan media, agak sukar bagi Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri dan rakyat dalam pelbagai aspek kehidupan terutama dari segi penyampaian maklumat dan informasi yang tepat dan sah.

6. Justeru itu, dalam hal ini, saya tanpa ragu-ragu memberikan pengiktirafan yang setinggi-setingginya kepada media massa khususnya di Negeri Melaka ini, tanpa mengira sama ada media konvensional dan tradisional seperti surat khabar, radio dan televisyen; mahupun media-media baharu seperti portal berita dan platform media sosial yang lain sebagai Rakan Strategik yang penting kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

7. Sebagai contoh, dalam Pilihan Raya Negeri Melaka ke-15 pada 20 November 2021 yang lepas, peranan media massa telah membolehkan Kerajaan Negeri menyalurkan maklumat dan informasi kepada rakyat khususnya pengundi dengan cepat, tepat dan berkesan memandangkan kempen secara bersemuka tidak dibenarkan. **(YAB BOLEH TAMBAH SENDIRI)**

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian;

8. Sebagai Rakan Strategik, hubungan antara media massa dan pentadbiran Kerajaan Negeri perlu sentiasa dipertingkatkan dan diperkasakan dari semasa ke semasa. Maka, sebab itu diadakan majlis anugerah seperti ini, yang antara lain bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pengamal media di Negeri Melaka di atas jasa dan khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan selama ini, sama ada secara individu mahupun melalui organisasi media yang diwakili.

9. Sebagai Rakan Strategik juga, pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa bersikap terbuka untuk menerima sebarang cadangan, idea, pandangan mahupun kritikan yang membina daripada media asalkan ia untuk kebaikan negeri dan rakyat Melaka secara keseluruhan.
10. Sebarang kritikan jika ada mestilah disalurkan melalui saluran yang sewajarnya, serta dilakukan untuk kebaikan bersama, dan bukannya bersifat peribadi atau dengan tujuan menjatuhkan seseorang individu mahupun organisasi dan jabatan

tertentu.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati
sekalian;

11. Kerajaan Negeri juga cukup menghormati prinsip kebebasan termasuk kebebasan media. Namun, suka saya menyatakan bahawa apa juga kebebasan yang diberikan kepada kita, ia mestilah diiringi dengan **sifat kebertanggungjawaban** kerana dalam dunia ini, tidak ada kebebasan yang mutlak. Kita boleh membuat kritikan, kita boleh menulis apa

sahaja berita, kita juga boleh melaporkan atau menyiarkan apa sahaja laporan di saluran radio mahupun televisyen, tetapi akhirnya yang penting ialah kita mestilah bertanggungjawab dengan apa sahaja kritikan, penulisan dan laporan yang dibuat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

12. Di kesempatan ini, saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pengamal media yang akan menerima pengiktirafan yang melibatkan pelbagai

kategori anugerah sebentar lagi.

13. Kepada mereka yang tidak menang pula, janganlah berputus asa, sebaliknya teruskan berusaha untuk menghasilkan bahan berita dan laporan yang lebih baik pada masa akan datang.
14. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, majlis seperti ini akan cuba dijadikan sebagai acara tahunan untuk meraikan dan memberi pengiktirafan kepada tuan-tuan dan puan-puan pengamal media di Negeri Melaka.

15. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada media rasmi Kerajaan Negeri Melaka, akhbar **Melaka Hari Ini** yang meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-**40** pada tahun ini sejak mula diterbitkan pada **8 Mei 1982** dengan nama **Suara Melaka** pada masa itu. Ia kemudian dikenali sebagai **Mingguan Melaka, Melaka Minggu Ini, Melaka Hari Ini, Melaka Kini** dan kini kembali dengan nama, **Melaka Hari Ini**.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

16. Akhirul kalam, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Anugerah yang telah bertungkus-lumus membuat persiapan untuk mengadakan majlis ini khususnya Unit Media, Pejabat Ketua Menteri Melaka dan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan). Dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Anugerah Media Melaka 2021.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.